



Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 6 ( 18 )  
Tarikh : 19 Disember 2018

**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 13 TAHUN 2018**

**KESINAMBUNGAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP)  
DI PERINGKAT MENENGAH ATAS SECARA BERPERINGKAT – PERINGKAT  
MULAI TAHUN 2019**

Surat ini bertujuan memaklumkan tentang kesinambungan pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di peringkat menengah atas secara berperingkat – peringkat mulai tahun 2019.

2. DLP telah dimulakan dengan murid Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1 pada tahun 2016 bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Kohort pertama akan berada di Tingkatan 4 pada tahun 2019 dan diikuti dengan kohort – kohort yang berikutnya. Kesinambungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik di peringkat menengah atas adalah perlu agar pembelajaran murid yang mengikuti kelas DLP di peringkat menengah rendah tidak terjejas.

**Mata Pelajaran DLP di Peringkat Menengah Atas**

3. Mata pelajaran DLP di Tingkatan 4 dan 5 seperti yang diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM Bil.1/2018 adalah seperti yang berikut:

- i. Sains;
- ii. Matematik;
- iii. Fizik;
- iv. Kimia;
- v. Biologi;
- vi. Matematik Tambahan; dan
- vii. Sains Tambahan.

#### **Peruntukan Waktu PdP**

4. Peruntukan waktu PdP bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik bagi murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP adalah sama seperti peruntukan waktu di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuatkuasa.

#### **Cadangan Pelaksanaan**

5. Dua cadangan pelaksanaan DLP di peringkat menengah atas adalah seperti berikut:

##### **5.1 Pilihan 1**

- i. Dilaksanakan di sekolah yang **boleh** membuka **kelas khusus** untuk murid mengikuti **kelas yang melaksanakan DLP**.
- ii. Semua murid dalam kelas tersebut mengambil pakej mata pelajaran yang sama.

##### **5.2 Pilihan 2**

- i. Dilaksanakan di sekolah yang **tidak boleh** membuka **kelas khusus** untuk murid mengikuti **kelas yang melaksanakan DLP**.
- ii. Murid yang mengikuti **kelas yang melaksanakan DLP** mengambil pakej mata pelajaran yang berlainan.
- iii. Dilaksanakan dengan menghimpun murid **dari kelas yang berlainan pada waktu mata pelajaran yang sama untuk**

**melaksanakan mata pelajaran DLP** walaupun bilangan murid dari kumpulan ini kurang daripada 15 orang.

- iv. Sekolah yang melaksanakan pilihan ini perlu menyusun jadual waktu supaya mata pelajaran DLP boleh berjalan serentak. Sekolah boleh membuat beberapa set gabungan mata pelajaran DLP mengikut keperluan.

6. Sekolah boleh memilih untuk melaksanakan DLP di peringkat menengah atas menggunakan Pilihan 1 atau Pilihan 2 atau gabungan kedua-dua pilihan mengikut kesesuaian sekolah.


7. Walau bagaimanapun, sekiranya sekolah tidak boleh melaksanakan mana-mana pilihan seperti di para 6, maka sekolah dibenarkan untuk melaksanakan DLP mengikut kesesuaian dan kesediaan sekolah tanpa menjejaskan pembelajaran murid.

8. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SHAARI BIN OSMAN**

b.p Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah  
Sektor Pengajian Tinggi
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia